

## PERLAMBANGAN UNSUR ALAM DALAM PANTUN MELAYU TERPILIH DARI SUDUT PANDANGAN EKOKRITIKAN

MUHAMMAD KHALIL BIN KHIRRUDDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia

[muhammadkhalikhir@gmail.com](mailto:muhammadkhalikhir@gmail.com)

MAS RYNNA WATI AHMAD\*

Universiti Kebangsaan Malaysia

[masryonna@ukm.edu.my](mailto:masryonna@ukm.edu.my)

\*Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Pantun merupakan karangan berangkap yang mendokong keindahan dan kehalusan yang menjelaskan gagasan idea yang mantap dan berpengaruh. Pantun Melayu tradisional berfungsi mengungkapkan nilai dan budaya tradisi, persoalan cinta dan kasih sayang, persoalan nilai kemasyarakatan, humor dan sebagainya. Dalam penciptaan pantun yang unik, segala pengalaman, pendangan dan falsafah hidup yang ingin dikemukakan di dalamnya menggunakan latar alam sebagai pembayang ataupun maksud. Penggunaan unsur sedemikian memperlihatkan hubungan akrab dan sebatи masyarakat Melayu dengan unsur alam semula jadi di sekeliling mereka. Tidak dinafikan beberapa dekad ini, sebilangan pengkaji di Malaysia telah memfokuskan kepada unsur alam dalam aspek kajian seperti pantun, puisi melayu moden dan peribahasa. Namun pengkhususan rungkaian kepada makna tersirat yang berkait dengan kritikan eko dan alam sekitar terhadap pantun masih belum dilakukan. Maka, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis perlambangan unsur alam dalam pantun dan hubungkaitnya pantun dalam konteks kritikan eko. Menggunakan kritikan ekologi, hasil kajian mendapati sastera harus menghormati alam sekitar, manakala prinsip bahasa pula memberi fokus kepada karya yang dihasilkan oleh pengkarya yang membincangkan permasalahan berkaitan alam sekitar melalui perlambangan unsur alam. Data kajian diperoleh daripada kompilasi pantun buku *Kurik Kundi Merah Saga* (1990). Kajian yang dilakukan ini dilihat mampu memberi kesedaran tentang isu alam sekitar yang membekalkan masyarakat dari dahulu sehingga sekarang. Isu seperti pembalakan, impak pembangunan, nasib binatang di hutan dan pencemaran sungai disentuh dalam pantun yang dipilih.

**Kata Kunci:** Pantun; perlambangan unsur alam; kritikan eko; Kurik Kundi Merah Saga; alam sekitar

### SYMBOLISMS OF NATURE ELEMENTS IN SELECTED MALAY PANTUN FROM ECOCRITICISM PERSPECTIVES

### ABSTRACT

Pantun is verses of sentences with rhymes that often glorifies the beauty of nature and subtle language that reflects the meanings implied. Traditionally, it functions in the ways in which covers almost all aspects of the Malays namely the culture and values practised, love and conflicts, social issues, elements of satire, and many more. In the creations of pantuns, nature had always been referred to as the inspirations to symbolise the life experiences, and philosophy that were intended to the audience. Nature was mainly the inspirations in pantuns, that represents the close relationship between the Malays and their surroundings. Past studies had uncovered the beauty of Malay poems, however, study on nature which emphasizes on the implied meanings through the lens of ecocriticisms is found uncommon. This study will identify the elements of nature portrayed in the selected pantuns from the perspective of Ecocriticism with an emphasis on the aspect of language and how it relates to the evident issues. It is to be found that, Malay poems have always been depicted to be coexistent with the nature. For the purpose of this paper, selected pantun from *Kurik Kundi Merah Saga* (1990) will be used. It intends to bring awareness on the environmental issues that seems never-ending. Issues such as deforestations, urbanisations and its impact to the animals and river pollutions were among the highlighted topics mentioned in the selected poems.

**Keywords:** Pantun; symbolism; ecocriticism; Kurik Kundi Merah Saga; nature.

## PENGENALAN

Alam sebenarnya dapat menghasilkan nilai-nilai estetika melalui interaksi dan respons seniman terhadap alam di sekitarnya. Lingkungan dan alam memberikan berbagai bahan yang penting bagi keberlangsungan dan kelestarian kehidupan. Interaksi antara manusia dan alam merupakan sebuah etika alamiah. Etika alamiah ini merujuk pada perilaku alami manusia atau bagaimana manusia berinteraksi dengan lingkungan sekitarnya. Proses ini merupakan bagian dari sistem nilai yang diterapkan oleh suatu masyarakat dan sistem nilai ini erat kaitannya dengan perlakuan moral.

Jika diteliti situasi tersebut, sering kali penggunaan-penggunaan unsur alam sudah menjadi lumrah dalam pantun. Walaupun kadangkala setiap baris pantun itu hanya menggunakan unsur alam sebagai wadah untuk menyampaikan maksud yang berlainan dengan eko kritik, namun daripada penggunaan-penggunaan yang membawa ‘air lagu’ dalam pantun itu memberi gambaran kepada realiti sebenar. Sudah tentu sebuah pantun dibina bukan sekadar menyelitkan perkataan-perkataan agar suku kata dan sebutannya menepati hukum pantun, akan tetapi penggunaan unsur alam dalam bentuk perlambangan dunia realistik. Pantun memainkan peran dan fungsi yang sangat penting dalam menggambarkan berbagai isu dan pandangan terhadap kehidupan dan budaya masyarakat Melayu tradisional. Berbagai unsur alam dan lingkungan digunakan secara efektif sebagai simbol, gambaran, atau perumpamaan dalam menyampaikan berbagai pesan dan makna melalui pantun-pantun tradisional. Penggunaan unsur-unsur alam ini dalam pantun memperkaya produksi pantun tersebut. Bahkan, ada pandangan yang mengindikasikan bahwa penggunaan unsur alam seolah-olah menjadi “keharusan” dalam pantun kerana baik pantun maupun alam memberikan citra yang sama, yaitu ‘keindahan’.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat kajian sebelum ini yang menggunakan pantun sebagai bahan utama kajian. Oleh itu, hasil dari penelitian mendapati bahawa pantun

adalah lahir dari kehalusan pengamatan dan budi bicara orang Melayu yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan, serta melalui unsur perlambangan yang digunakan, jelas menggambarkan nasihat, teguran, pengajaran dan sebagainya.

Sehubungan itu, adalah wajar kajian yang melihat dari sudut kritikan eko ini diterokai atas dasar mengisi kelompongan yang ditinggalkan daripada kajian sebelum ini. Jika diteliti, kajian eko kritik dalam pantun telah dilakukan di negara jiran kita, Indonesia, sebagai contoh, kajian Alvi Puspita (2021) yang merungkai bagaimana perubahan dari sudut pandang masyarakat Kecamatan Rumbio Jaya Kabupaten Kampar selepas gelombang peradaban kedua pemodenan. Menurutnya lagi, masyarakat melihat alam bukan lagi untuk memenuhi keperluan, akan tetapi alam berfungsi untuk memenuhi keinginan. Berdasarkan pengamatan pengkaji, konteks yang sama iaitu musnahnya alam sekitar untuk tujuan ‘pemodenan’ perlu dibangkitkan dimeja bulat bidang kesasteraan di Malaysia. Kajian pantun sebelum ini hanya melihat keindahan bahasa yang diterjemahkan kedalam pantun, bait-bait kata yang digunakan dan istilah-istilah untuk merujuk kepada makna tersirat disebalik pantun. Tidak dinafikan beberapa dekad ini, sebilangan pengkaji di Malaysia telah memfokuskan kepada unsur alam dalam aspek kajian seperti pantun, puisi melayu moden dan peribahasa. Namun pengkhususan rungkaiannya kepada makna tersirat yang berkait dengan kritikan eko dan alam sekitar terhadap pantun masih belum dilakukan. Maka dengan itu, kajian ini sedikit sebanyak akan memulakan kajian kritikan eko dalam pantun di Malaysia dan akan memberi kesedaran tentang keadaan hutan di Malaysia yang juga terkesan akibat gagasan ‘pemodenan’ ini. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis bait -bait pantun berpandukan kepada lensa ekokritik William Howarth (1996).

Setelah meneliti pantun secara mendalam, pantun bukan sahaja bertindak sebagai medium untuk menyampaikan nasihat atau teguran, bahkan memperlihat keindahan bahasa yang disulam dengan penggunaan dan pemilihan diksi yang saling berkait dengan alam mengukuhkan lagi ketegasan makna yang hendak disampaikan. Keterkaitan pemilihan unsur-unsur alam ditaris pembayang mahupun ditaris makna menyerlahkan keindahan bahasa yang digunakan. Struktur pembinaan pantun yang mantap perlulah mengehadkan kepada sepuluh hingga dua belas suku kata sahaja namun mampu untuk menyampaikan makna yang jitu, difahami dan berkesan. Makna dalam pantun bersifat padat dan perlu digali dengan lebih mendalam kerana terikat dengan struktur pembinaannya. Maka, asbab di atas mendorong pengkaji untuk menganalisis pantun pilihan dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* dengan pengaplikasian teori kritikan iaitu kritikan eko William Howarth (1996).

Pengkaji membataskan kajian dengan hanya melihat dua pantun dibawah tema cinta dan dua pantun dibawah tema kasih sayang yang melibatkan kecintaan dan kasih sayang terhadap alam sekitar dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. William Howarth mengemukakan empat prinsip yang saling berhubungan mendasari kritikan eko iaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Menurut Howarth, bahasa berkemampuan untuk menjalinkan hubungan dengan alam sekitar. Dalam konteks kajian pantun ini, penelitian dan perkaitan antara keindahan bahasa dan alam sekitar yang akan difokuskan.

Kajian yang dilakukan ini penting sebagai tambahan dalam penambahbaikan kajian yang memberi fokus kepada unsur alam. Kekurangan kajian yang melihat sudut eko kritikan ini amat kurang dihasilkan khususnya di Malaysia yang melibatkan puisi melayu tradisional iaitu pantun sebagai bahan kajian. Jika sebelum ini, kajian yang dilakukan oleh Zurinah Hassan sudah pun melihat unsur alam dalam puisi Melayu moden. Namun, pengkaji yakin penganalisisan unsur alam perlu diperluaskan lagi bagi memberi gambaran dan kritikan ilmiah yang lebih berisas. Oleh itu, kajian ini mampu memberi dorongan kepada sarjana dan pengkritik sastera untuk menutup kelompongan yang sudah pastinya akan ditinggalkan oleh pengkaji sebelumnya.

Selain itu, menerusi kajian ini juga akan memberi pendedahan kepada unsur alam yang digunakan sebagai medium penyampaian masyarakat terdahulu. Penggunaan unsur-unsur alam yang diselitkan sebagai kiasan bukan sahaja perlu diperjelaskan ciri-ciri kejadian unsur alam tersebut, bahkan fungsinya juga perlu diberi pendedahan agar generasi kini setidak-tidaknya tahu perkaitan sesuatu unsur alam itu dimuatkan dalam baris pantun. Misalnya, ciri-ciri suatu pohon seperti bunga kemboja tidak boleh sembarangan digunakan dalam sebuah baris pantun jika tiada tautan dalam perkataan seterusnya untuk memperkuatkan ciri-ciri bunga tersebut. Tuntasnya, diharapkan penjelasan kajian ini bakal membuka mata masyarakat agar mengenali ciri-ciri unsur alam tersebut sebelum mengenakannya dalam pantun.

Kajian ini juga penting untuk memberi pendedahan kepada permasalahan alam sekitar yang telah, sedang atau akan berlaku menerusi kaca mata masyarakat Melayu ketika itu. Isu-isu seperti pembalakan yang mengakibatkan musnahnya hutan yang juga penempatan masyarakat sebelum ini dan binatang-binatang yang mati pupus akibat hilang sumber makanan, air dan habitatnya dalam proses pengejaran gagasan pemodenan ini. Segala intipati disampaikan melalui pantun sama ada secara tersirat atau tersurat.

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Satu penyelidikan oleh Russel Dundang Anak Jeffrey & Mary Fatimah Subet (2018) berjudul "Unsur Alam dalam Peribahasa Iba (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif" berkaitan dengan unsur alam yang dibincangkan dalam kajian ini. Penyelidikan oleh para pengkaji ini bertujuan untuk menganalisis unsur alam dalam jaku sempama Iban dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk mengklarifikasi makna, kognitif, dan memasukkan falsafah serta akal budi masyarakat Iban mengenai perubahan yang dipilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat falsafah di sebalik pembentukan peribahasa oleh masyarakat Iban yang memberi hubungan dengan masyarakat tersebut.

Satu kajian ekokritik juga telah dilakukan oleh Muhammad Farid Kurniawan (2019) yang berjudul "Novel Ladu karya Tosca Santosa: Kajian Ekokritik Gred Garrard". Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjelaskan bentuk kecelakaan latar fizikal (lingkungan), menjelaskan hubungan manusia dengan latar fizikal (lingkungan), dan menjelaskan bentuk pemeliharaan nilai-nilai yang dikatakan dengan kearifan ekologi melalui novel Ladu karya Tosca Santosa. Pendekatan kualitatif digunakan dalam penelitian ini untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian menemukan pesan moral dan nilai-nilai dalam karya sastera semakin meningkat dengan penekanan pada pesan moral dan nilai-nilai sebagai bahan dari karya.

Kemudian, sebuah penulisan oleh Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad (2019) berjudul "Eko-Kritik dalam Puisi Melayu" telah membahas tentang bagaimana para penyair mengangkat isu lingkungan sebagai warisan yang berharga untuk masa depan. Penulisan ini menyatakan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh Marzuki Ali memiliki sifat eko-kritik. Selain itu, makalah ini juga membicarakan kepedulian Marzuki Ali dalam menyoroti isu lingkungan melalui simbol-simbol yang signifikan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa pendekatan eko-kritik melalui karya Marzuki Ali menunjukkan keseriusan, keberanian, perhatian, dan fokus terhadap isu-isu lingkungan dan kehidupan masyarakat pedalaman, selain menunjukkan dimensi ekologi, ekologis, dan bahasa yang berkaitan dengan tema utama eko-kritik.

Bukan hanya itu, sebuah penelitian yang dilakukan oleh Mohd Saberi Mudah & Mas Rynna Wati Ahmad (2021) berjudul "Eko Kritik Puisi Pilihan Malaysia dan Indonesia" membahas dan menganalisis enam puisi dari penyair Malaysia dan Indonesia yang menggunakan pendekatan kritikan eko. Berdasarkan penggunaan pendekatan kritik eko, makalah ini menyimpulkan bahawa karya-karya penyair yang dipilih tersebut membahas

dampak kerusakan ekosistem sekaligus memberikan peringatan kepada masyarakat tentang tanggung jawab bersama dalam menjaga kelestarian alam secara konsisten. Penelitian ini juga menyoroti hubungan manusia dengan alam serta mencantumkan manfaat alam bagi seluruh kehidupan dan persepsi tentang perlakuan moral manusia terhadap sesamanya.

Akhir sekali, sebuah makalah sebuah kajian oleh Wasniah & Sofyan Sauri (2021) berjudul "Kajian Ekokritik Sastera Pada Cerpen Harimau Belang karya Guntu Alam dalam Antologi Cerpen Pilihan Kompas 2014 di Tubuh Tarra dalam Rahim Pohon" yang berkaitan dengan kajian ini melalui pendekatan kritikan eko. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen-elemen ekokritik dalam cerpen Harimau Belang karya Guntu Alam yang terdapat dalam antologi Cerpen Pilihan Kompas 2014 di Tubuh Tarra dalam Rahim Pohon. Makalah ini juga menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif di mana metodologi yang digunakan didasarkan pada falsafah positivisme. Hasil kajian menyimpulkan terdapat elemen ekologi alam di mana penulis telah mengaitkan sastera dengan kepercayaan dan mitos.

## Pantun dan Alam Sekitar

Pantun adalah medium yang menarik untuk menyampaikan pesan atau kesedaran tentang isu-isu alam sekitar. Dalam pantun, kita dapat mencerminkan keindahan alam sambil menggambarkan perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh persekitaran. Melalui pantun, mesej-mesej mengenai perlindungan alam boleh disampaikan dengan cara yang kreatif dan menarik. Pantun boleh menjadi alat yang efektif untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kelestarian alam dan mengatasi masalah-masalah alam sekitar.

Kritikan eko mula diperkatakan semenjak pertengahan tahun 1990-an apabila muncul dua buah buku penting, iaitu *The Ecocriticism Reader: Landmarks in Literary Ecology* (1996) yang disunting oleh Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm, dan *The Environmental Imagination* (1996) oleh Lawrence Buell. Sungguhpun disiplin ini baru diperkatakan, namun istilah kritikan eko sebenarnya telah digunakan semenjak tahun 1970-an lagi. Apakah yang dimaksudkan dengan kritikan eko? Menurut Glotfelty dan Fromm (1996: xviii): "ecocriticism is the study of the relationship between literature and the physical environment."

Bagi Glotfelty dan Fromm, kritikan ekologi merupakan suatu bentuk kritikan yang meneliti interaksi antara sastera dan alam sekitar fizikal. Interaksi ini tidak hanya berkaitan dengan penggunaan unsur-unsur alam sebagai simbol, tetapi juga melibatkan kajian terhadap hubungan antara alam sekitar fizikal dan budaya manusia. Dalam konteks ini, budaya merujuk kepada perilaku manusia dan cara manusia berinteraksi dengan alam sekitar fizikalnya. Aspek ini kemudiannya diwujudkan dalam analisis kritikal terhadap pembinaan pantun, di mana pengaruh budaya manusia terhadap persekitaran fizikalnya menjadi fokus untuk menyentuh perasaan pendengar.

Sebagaimana teori-teori kritikan sastera yang lain, kritikan eko juga mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri. William Howarth (1996) telah mengemukakan empat prinsip yang mendasari kritikan eko, iaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan. Keempat-empat prinsip ini saling berhubungan.

## ANALISIS KAJIAN

### Ekologi

Menurut Howarth (1996:71): "ecology describe the relations between nature and culture". Alam semula jadi bukan sahaja berhubung dengan manusia tetapi juga organisma yang lain. Salah satu cabang ekologi ialah ekologi manusia yang meneliti ekosistem (unit asas yang wujud

hasil daripada tindakan antara komponen hidup dengan bukan hidup) yang terjadi kesan daripada tindakan manusia (Nor' Aini, 1992: 4; lihat juga Saberi, 1986: 1-2). Kegiatan ekonomi seperti pembalakan dan pembangunan yang tidak terkawal akan memberi kesan kepada alam sekitar seperti berlakunya kejadian tanah runtuh, banjir lumpur, pencemaran sungai dan peningkatan bahang panas.

Pantun bertema cinta dipilih kerana emosi cinta dalam pantun ini. Emosi cinta bukan sahaja kepada manusia pada baris makna, malah emosi cinta dan perasaan sedih yang tersirat pada baris pembayang. Cinta terhadap alam adalah perasaan penuh kasih sayang, kekaguman, dan penghargaan yang diarahkan kepada alam dan keindahannya. Ini melibatkan kesadaran akan pentingnya menjaga kelestarian alam dan bertanggung jawab terhadap lingkungan di sekitar kita. Pantun yang merupakan khazanah melayu juga tidak ketinggalan untuk menggambarkan keadaan keliling yang semakin menggugat akibat kerosakan yang berlaku. Sukacita diingatkan pantun tidak mempunyai pemilik, akan tetapi pantun akan dibina berdasarkan kepada realiti semasa masyarakat Melayu pada ketika itu yang cenderung untuk menggunakan unsur alam untuk menyampaikan mesej tersirat.

Burung helang terbang dekat,  
Dalam beringin tempat titinya,  
Barang yang hilang takkan dapat,  
Cari yang lain akan gantinya.

Secara literalnya, pantun ini menyelitkan gambaran di dalam rimba iaitu pada baris pembayang pertama dan kedua menceritakan seekor burung helang yang terbang melayang pada satu paras yang rendah, lalu menghinggap di sebatang pohon beringin. Pada baris ketiga dan keempat pula menceritakan tidak perlu susah payah mencari barang yang hilang, terus sahaja mencari pengganti kepada barang yang hilang itu. Pada baris pertama ini telah diisi dengan sejenis burung iaitu burung helang, yang berdarah panas, serta mempunyai sayap dan tubuh yang diselubungi bulu pelepas. Burung helang merupakan haiwan pemangsa yang mempunyai paruh dan kuku yang tajam. Daya penglihatan seekor burung helang juga sangat tajam untuk memburu mangsa dari jarak jauh.

Dari sudut pembinaan pantun ini, pantun ini diklasifikasikan sebagai pantun yang betul dan tidak salah kerana rima akhirnya a,b,a,b. Akan tetapi dari sudut akal manusia, pantun ini tidak tepat kerana deskripsi fauna yang digunakan tidak melambangkan ciri-ciri fauna itu sendiri. Burung helang adalah sejenis burung pemangsa yang terbang pada satu paras yang tinggi untuk memburu mangsanya. Penggunaan diksi ‘terbang dekat’ pada baris pertama pantun ini adalah agak mustahil dan kurang logik kerana sifat semulajadi seekor burung helang. Sebagaimana pembayang yang lebih tepat dari segi kelogikannya dibawah:

Persoalan terlintas adakah sejenis burung yang gagah, besar dan bersifat pemangsa sanggup untuk ‘menurunkan darjatnya’ sebagaimana yang digambarkan pada baris pertama pantun di atas? Atau termusnahnya habitat helang akibat pembalakan pokok-pokok tinggi oleh manusia demi keuntungan? Terbangnya burung yang gagah ini barangkali kerana tiada lagi pohon-pohon yang tinggi untuk dihinggap. Malapetaka ini boleh berpuncanya daripada pelbagai sumber – peperangan, teknologi manusia atau pembangunan sosioekonomi. Akhirnya, burung ini akan hinggap di Kawasan yang lebih rendah untuk teruskan kehidupan. Impaknya haiwan-haiwan ternakan manusia seperti ayam, itik dan burung-burung kecil akan dimakan oleh burung helang ini yang akan mencari mangsa diparas rendah. Kesannya manusia akan mengalami kerugian dan kehidupan yang dahulunya aman akan menjadi porak-peranda akibat rantai makanan seekor burung helang terjejas.

Pada baris ketiga dan keempat pula memberi peringatan kepada kita agar barang yang sudah hilang tidak perlu dikejar atau dikenang, justeru terus sahaja mencari pengganti agar kita boleh meneruskan hidup. Pada diksi beringin tempat titinya mampu ditanggapi sebagai satu simbolik ke kemusnahan habitatnya. Malah, perkaitan pada baris makna, pada diksi barang hilang mampu untuk menggambarkan situasi habitat sejenis burung helang yang hilang atau musnah. Asbab daripada habitatnya yang telah pun musnah, helang memilih pohon beringin untuk dihinggap. Perkara ini selari dengan baris keempat, cari yang lain akan gantinya merujuk kepada helang yang mencari tempat lain sebagai habitat baru. Secara tidak langsung, hal ini juga mendorong pihak bertanggunjawab untuk melakukan penanaman semula pokok-pokok yang sudah ditebang yang dahulunya habitat asal fauna ini. Mengimbas kembali pantun-pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu yang berkait dengan flora dan fauna bukan atas dasar ‘penyedap’ pembayang, akan tetapi itulah yang dilihat dari kaca mata masyarakat Melayu yang umumnya bermukim di kawasan yang dikelilingi hutan belantara. Oleh itu, apa sahaja yang dilihat pada ketika itu, sudah pastinya dijadikan inspirasi untuk memuatkannya ke dalam pantun sama ada nama, ciri-ciri atau sifat semulajadi flora dan fauna itu.

Permasalahan tentang alam sekitar yang kian terjejas disebabkan oleh tindakan manusia juga diperlihatkan dalam pantun dibawah. Walaupun pantun dibawah digolongkan sebagai satu pesanan, namun pantun ini juga menggambarkan tindakan yang sering kali dilakukan oleh manusia atas kelalaian mereka yang hanya mencari jalan mudah sahaja. Pantun yang membawa pesanan dan teguran terhadap manusia kepada sungai adalah seperti berikut:

Bagai penyair pilu berdikir,  
dengan akur tangisi wajah,  
Sungai mengalir hulu ke hilir,  
jangan lumpur berisi sampah.

Bait diatas dengan pesanan yang minimum akan tetapi tegas dengan pesanan menggambarkan keadaan sungai yang seringkali dicemari dengan sampah sarap, bahan-bahan toksik dan pelbagai objek yang dibuang oleh penghuni kota. Tindakan mereka dengan mencampakkan segala bahan buangan ke dalam sungai kerana mudah ditegur keras dalam pantun ini. Sungai yang penuh dengan sampah juga merosakkan ekosistem fauna bukan sahaja yang berada di dalam air, bahkan haiwan yang bergantung kepada air sungai untuk meneruskan kehidupan. Peningkatan jumlah sisa di sungai boleh memberi kesan yang serius kepada keseimbangan ekosistem dan kualiti alam sekitar. Dari perspektif biologi, kehadiran sampah boleh menyebabkan kematian organisme akuatik, sama ada melalui tercekik atau keracunan oleh plastik dan bahan berbahaya yang lain. Habitat di sungai juga boleh terganggu akibat sampah terkumpul di dasar sungai, mengubah struktur ekosistem dan menyebabkan perubahan dalam kehidupan organisme akuatik.

Dari segi fizikal, pengumpulan sampah boleh menyebabkan gangguan kepada aliran air, mewujudkan risiko banjir, dan merosakkan habitat semula jadi dan struktur sungai. Sifat tanah di sepanjang sungai juga boleh berubah akibat pengumpulan sampah, mengakibatkan perubahan tumbuh-tumbuhan dan kehilangan biodiversiti. Bukan itu sahaja, kehadiran sampah sarap di sungai boleh mengancam kesihatan manusia lebih-lebih lagi jika sungai menjadi sumber air minuman. Pencemaran air minuman oleh sisa boleh menimbulkan risiko kesihatan yang serius kepada orang yang bergantung kepada sumber air ini.

### **Etika Ekologi**

Sikap manusia terhadap alam sekitar dapat diterangkan melalui konsep etika ekologi. Etika ini merangkumi sistem nilai yang diamalkan oleh masyarakat dan berkaitan dengan perlakuan moral. Howarth (1996: 71) mengutarakan bahawa etika berfungsi untuk memberikan cara-cara menangani konflik sejarah dan sosial. Bagaimanapun, penjelasan Howarth mengenai fungsi etika terlalu umum dan tidak menjelaskan konsep etika ekologi dengan rinci. Untuk memahami etika ekologi, kita boleh merujuk kepada dua golongan pencinta alam dalam dua pergerakan ekologi yang dikenali sebagai pergerakan ekologi mendalam dan pergerakan ekologi dangkal. Menurut Evernden (1996: 102), pergerakan ekologi mendalam ialah:

The ‘deep ecological movement,’ the one that concerns itself with the underlying roots of the environment crisis rather than simply its physical manifestation, demands the involvement of the arts and humanities.

Pergerakan ekologi mendalam, seperti yang dikemukakan oleh Evernden, menunjukkan keimbangan terhadap isu-isu alam sekitar dan mengajak budayawan, termasuk sasterawan dan humanis, untuk bersatu dalam usaha melindungi alam sekitar daripada pencemaran. Etika Ekologi yang berdasarkan pada konsep ekologi mendalam ini sangat positif kerana menekankan pemeliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan manusia. Etika yang terkait dengan ekologi mendalam menggariskan hubungan yang erat antara setiap unsur alam sekitar dan menekankan perlunya manusia memelihara hubungan ini. Ungkapan "ekologi mendalam" pertama kali diperkenalkan oleh Arne Naess, seorang ahli falsafah dari Norway (Campbell, 1996: 132).

Di sisi lain, pergerakan ekologi dangkal menunjukkan pendekatan yang berlawanan. Etika ekologi yang berasaskan pada ekologi dangkal melibatkan sikap dan tindakan yang cenderung merosakkan alam sekitar, menyebabkan krisis yang berdampak negatif pada kesejahteraan manusia. Etika ini melihat alam sekitar sebagai sumber daya yang dapat memberikan pulangan material semata-mata. Pendekatan ini terkait dengan pemikiran kapitalisme yang hanya mengejar keuntungan tanpa mempertimbangkan kelestarian alam. Individu yang memiliki etika dangkal cenderung merosak alam sekitar demi kepentingan projek pembangunan yang mengejar keuntungan yang besar. Mereka melihat alam sebagai sesuatu yang dapat dieksloitasi untuk mencapai kekayaan, tanpa memandangnya sebagai keperluan yang perlu dijaga dengan penuh tanggungjawab.

Setelah meneliti pantun yang mempunyai kaitan dengan alam sekitar, ternyata pantun juga mengetengahkan secara langsung dan tidak langsung perihal manusia yang mempunyai etika dangkal terhadap alam sekitar. Alam bukan sebagai teman tetapi sebagai sumber untuk kepuasan material. Etika ekologi yang dangkal ini bukan sahaja membawa kepada kemusnahan alam sekitar tetapi juga kepada manusia. Pantun dibawah secara langsung memperihalkan kelakuan manusia yang mengejar kekayaan sehingga merosakan alam sekitar:

Kerana cinta ku hantar tanda,  
Ku semat dihati si mawar putih,  
Kerana harta jiwa ternoda,  
Angkara nafsu buana merintih.

‘Kerana harta’ dalam bait pantun diatas merujuk langsung kepada materialisme dan kapitalisme. Manusia terpesona dengan kebendaan berbanding keindahan alam. Konsesi balak menerobos masuk ke dalam hutan-hutan, menebang dan menjual kayu-kayu balak untuk mendapatkan keuntungan. ‘Jiwa ternoda’ ibarat matinya binatang-binatang di dalam hutan

kerana habitat mereka sudah licin dan musnah oleh manusia yang tidak lagi mampu berfikir tentang keperluan alam kepadanya dan hanya memikirkan pulang yang akan mereka peroleh.

‘Angkara nafsu’ dalam pantun diatas menyerlahkan sikap kerakusan manusia yang mementingkan nilai materialisme terhadap hasil alam. Akibatnya ‘buana merintih’ merujuk kepada keadaan alam yang tenat semakin tenat dan kemudiannya akan mengakibatkan pelbagai bencana alam. Salah satu impak utama ialah peningkatan risiko banjir, kerana pokok yang biasanya menyerap air hujan telah ditebang, mengurangkan keupayaan hutan untuk mengawal aliran air. Selain itu, kehilangan akar yang kuat daripada pokok ini boleh meningkatkan risiko tanah runtuh. Hanya disebabkan manusia yang mementingkan material, suara-suara yang melaungkan penjagaan alam sekitar akan tertimbus dek tanah runtuh.

Pantun dibawah juga menyampaikan makna secara langsung terhadap tindakan manusia dan kesannya kepada alam sekitar. Kesan kemasuhan alam sekitar mampu ditanggapi seperti dalam pantun dibawah:

Subur tidak pohon pegaga,  
Gugur daun tanahnya kontang,  
Asbab hutan tidak dijaga,  
Bencana alam kelak mendatang.

Lingkungan alam yang penuh dengan flora dan fauna mendorong manusia untuk saling bertaut antara satu sama lain. Begitulah kebijaksanaan manusia terutama masyarakat Melayu dalam merungkai isi tersirat dalam pantun yang diwarnai dengan unsur alam. Pantun di atas menggunakan unsur pohon pegaga. Pohon pegaga adalah sejenis tumbuhan yang tumbuh melata. Dalam pantun diatas, pada baris pembayang menceritakan keadaan pohon pegaga yang sudah layu sehingga daunnya gugur ke tanah. Ironinya, pohon pegaga yang hampir mati ini akibat kekurangan air sebagai bekalan untuknya terus hidup. Tanah yang kontang memberi gambaran bahawa pohon ini sudah ditinggalkan dalam tempoh yang lama sehingga tidak lagi mampu hidup.

Masyarakat Melayu tidak pernah lekang dengan memberi nasihat atau teguran kepada khalayak sebagai peringatan dan pedoman. Bencana alam adalah kesan buruk daripada kejadian atau gabungan aktiviti semula jadi seperti letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, taufan dan aktiviti manusia. Disebabkan kekerdilan sifat manusia, bencana alam sering menyebabkan keadaan darurat, sehingga menyebabkan kerugian kewangan dan struktur, malah sehingga menyebabkan terpisahnya roh dari jasad iaitu kematian.

Pada baris makna pula menceritakan asbab daripada keadaan hutan belantara yang tidak dijaga, pasti akan menyebabkan bencana-bencana yang tidak diingini berlaku seperti tanah runtuh, banjir dan sebagainya. Diksi tidak dijaga boleh diperluaskan maknanya kepada kealpaan ataupun tindakan-tindakan memusnahkan hutan. Pada baris makna ini juga menyelitkan peringatan kepada masyarakat agar peka dengan keadaan alam sekitar yang semakin hari semakin tenat jika tidak dipelihara sepenuhnya.

Pantun dibawah pula menyampaikan makna secara tidak langsung, namun mampu menggambarkan golongan manusia etika dangkal. Pantunnya adalah seperti berikut:

Bunga kertas dahan bersilang,  
Subur pohon tangkai berduri,  
Jangan diusik harimau belang,  
Kelak akan memakan diri.

Terdapat perkaitan antara baris pembayang dan baris makna. Pada baris pembayang mengisahkan sifat bunga kertas yang subur dan mekar dengan dahab bersilang yang menggambarkan kecantikan bunga kertas. Namun, pada diksi tangkai berduri memberi peringatan kepada khalayak agar berhati-hati kerana duri bunga kertas mampu melukakan diri. Kecantikan dan sifat bunga kertas mampu ditanggapi kepada dua makna berdasarkan kepada situasi yang berbeza iaitu tangkai berduri sebagai mekanisma pertahanan bagi bunga kertas dan tangkai berduri boleh mencederakan individu yang tidak berhati-hati apabila menyentuh bunga kertas.

Pada baris makna menggambarkan teguran kepada khalayak agar jangan diusik atau bergurau dengan seekor haiwan pemangsa iaitu harimau kerana ianya akan membinaaskan diri. Masyarakat Melayu dahulu kebiasaanya melakukan aktiviti memburu. Sudah pasti Binatang-binatang yang merbahaya akan dijumpai. Maka, pantun diatas adalah peringatan kepada masyarakat dahulu agar lebih berhati-hati apabila berhadapan dengan binatang seperti harimau. Malah, diksi memakan diri adalah ketegasan kepada padah yang akan terjadi pada diri.

‘Jangan diusik harimau belang’ menyampaikan maksud secara tidak langsung kepada tindakan manusia yang menceroboh kawasan binatang berhabitat di hutan. Pemburuan terhadap harimau belang, juga dikenali sebagai harimau Sumatera (*Panthera tigris sumatrae*), sering kali disebabkan oleh beberapa faktor. Salah satu faktor utama adalah perdagangan haram dan pemburuan untuk mendapatkan bahagian tubuh harimau. Bahagian-bahagian seperti kulit, tulang, gigi, dan kuku harimau mempunyai nilai tinggi di pasaran gelap dan digunakan dalam pelbagai amalan tradisional atau dianggap sebagai benda bernilai. Hal ini menggambarkan bahawa manusia sanggup menggadaikan binatang ini yang semakin hari semakin pupus hanya kerana mahukan keuntungan apabila dijual.

### Bahasa dan Kritikan

Howarth (1996: 71) berpandangan bahawa bahasa dan kritikan merupakan dua daripada empat prinsip dalam kritikan eko. Menurutnya, “Language theory examines how words represent human and nonhuman life. Criticism judges the quality and integrity of works and promotes their dissemination.” Menurut Howarth lagi, bahasa ialah alat yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkap tentang kehidupan manusia dan bukan manusia, dan dalam konteks kritikan eko, ia berkaitan dengan persoalan-persoalan berhubung ekologi dan etika ekologi. Melalui kritikan pula, kualiti hubungan antara bahasa dengan ekologi dan etika ekologi diteliti dan dinilai. Tambah Howarth lagi (1996: 96): “All writers and their critics are stuck with language, and although we cast nature and culture as opposites, in fact they constantly mingle, like water and soil in a flowing stream”. Howarth melihat bahasa mampu menjalinkan alam sekitar dan budaya atau lebih tepat antara ekologi dan etika ekologi.

Masyarakat Melayu amat mementingkan kiasan dalam bahasa. Melayu sudah sinonim dengan bahasa-bahasa kiasan yang penuh makna dan pengajaran. Sifat menjaga hati serta perasaan orang lain menjadi salah satu sikap yang sebatи dalam peribadi masyarakat Melayu. Sudah menjadi kebiasaan kiasan-kiasan digunakan dengan tunjuan menasihati atau menegur kesilapan tanpa menjatuhkan air muka orang lain. Kiasan sebenarnya melambangkan akal budi bangsa Melayu. Kearifan akal pemikiran bangsa Melayu dalam memberi nasihat serta teguran tanpa memalukan individu terabit cukup membuktikannya. Penggunaan elemen persekitaran yang logik cukup untuk menjelaskan dan mengukuhkan lagi kebijaksanaan penciptaan kiasan tersebut. Begitu juga dalam pantun diatas, kiasan digunakan supaya teguran yang disampaikan lebih bersifat lembut dan tidak menyinggung perasaan orang lain.

Burung merbuk di tepi pekan,  
Pipit tuli mati terjerat,  
Buah mabuk jangan dimakan,  
Pokok berduri jangan dipanjang

Sebagaimana teguran dalam kiasan sangat sinonim dengan masyarakat Melayu, maka dalam pantun inilah teguran dan nasihat yang berasal menggunakan perlambangan daripada persekitaran ditonjolkan. Teguran yang diselitkan boleh dilihat pada baris makna iaitu pada baris ketiga dan keempat yang berbunyi ‘buah mabuk jangan dimakan, pokok berduri jangan dipanjang’. Selari dengan baris pembayang yang menggambarkan keadaan pipit tuli yang mati terjerat asbab terlalu leka dengan makanan dengan diksi pokok berduri jangan dipanjang memberi gambaran teguran kepada masyarakat mengenai peringatan jangan terlalu menurut hawa nafsu, kelak nanti akan mendatangkan luka atau kecelakaan pada badan. Tuntasnya, kiasan menggunakan perlambangan flora dan fauna dalam masyarakat Melayu sudah menjadi satu kebiasaan, malah ia merupakan sebuah identiti masyarakat Melayu yang kaya dengan keindahan.

Buah mabuk jangan dimakan dan pokok berduri jangan dipanjang ditanggapi sebagai simbolik kepada perlakuan yang akan membinasakan diri sendiri perlu dijauhi. Dalam konteks alam sekitar, simbolik ini menyerlahkan tindakan seperti menggondolkan hutan dan mencemarkan sungai jangan dilakukan kerana ianya akan memberi kesan kepada manusia. Penebangan hutan mempunyai kesan yang signifikan terhadap kehidupan manusia, membawa impak yang meluas di pelbagai bidang. Salah satu kesan utama ialah perubahan iklim, kerana hutan berfungsi sebagai penyerap karbon dan pengeluar oksigen. Penebangan menyebabkan berkurangnya kawasan hutan yang dapat menjalankan proses ini, menyumbang kepada peningkatan gas rumah hijau dan pemanasan global. Selain itu, hilangnya keanekaragaman hayati akibat penebangan mengancam kelestarian spesies dan mengganggu ekosistem, dengan potensi berdampak negatif kepada pertanian dan perubatan.

Penebangan hutan juga memberikan kesan kepada keselamatan tanah, di mana hutan berperanan sebagai penahan air hujan yang dapat mengurangkan risiko banjir dan tanah runtuh. Penebangan yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kerugian ini, menyebabkan bencana alam yang merugikan masyarakat setempat. Sementara itu, masyarakat tempatan yang bergantung kepada hutan untuk sumber daya dan penghidupan tradisional mereka juga terkesan dengan penurunan ketersediaan sumber daya dan perubahan dalam ekosistem mereka. Selain itu, pencemaran sungai memberikan kesan yang serius terhadap kesihatan manusia dan persekitaran. Sungai, sebagai sumber air utama, sering kali menjadi tempat utama untuk pemenuhan keperluan air minum masyarakat. Pencemaran dengan bahan kimia berbahaya, mikroba, atau logam berat boleh menyebabkan air minum tercemar, yang pada gilirannya meningkatkan risiko penyakit. Pertanian juga terjejas apabila air sungai yang tercemar membawa bahan kimia merosakkan kepada tanah dan tanaman. Kematian atau penurunan populasi ikan dan organisme akuatik lainnya akibat pencemaran sungai boleh mengancam sumber makanan bagi masyarakat yang bergantung pada hasil tangkapan ikan dan perikanan. Selain dampak kesihatan dan ekonomi, pencemaran sungai juga menyumbang kepada penurunan kualiti hidup masyarakat yang bergantung pada sungai sebagai sumber air, makanan, dan penghidupan.

Penggunaan kiasan dalam pantun bukanlah sesuatu yang janggal. Pantun Melayu sering menggunakan kiasan untuk menyampaikan pesan dengan cara yang kreatif dan puitis. Penggunaan kiasan dalam pantun Melayu tidak hanya memberikan keindahan linguistik tetapi juga mendalamkan makna pantun tersebut, menjadikannya alat ekspresi seni dan kebijaksanaan tradisional seperti pantun dibawah:

Semakin layu pohon sena,  
Sayang patah ditimpa batu,  
Mati segala flora fauna,  
Manusia hidup berhutankan batu.

Pernyataan "pupus segala flora dan fauna, manusia hidup berhutankan batu" memberikan gambaran mengenai pemusnahan flora dan fauna serta tingkah laku manusia yang kelihatan tidak menghiraukan kelestarian alam. Ungkapan ini mengandungi kritikan terhadap aktiviti manusia yang menyebabkan kepupusan tumbuhan dan haiwan, sambil menunjukkan bahawa manusia nampaknya hanya memberikan keutamaan kepada perkara yang tidak mempunyai nilai semula jadi atau ekologikal. Dalam konteks ini, frasa "manusia hidup berhutankan batu" boleh diartikan sebagai kritikan terhadap sikap manusia yang acuh tak acuh terhadap kelestarian alam. "Berhutankan batu" mencerminkan perilaku yang hanya mempertimbangkan kepentingan bahan atau ekonomi tanpa memikirkan dampak alam sekitar. Penerokaan kepada hutan-hutan yang dahulunya menghijau dan kini musnah atas dasar pembangunan yang dilakukan oleh manusia.

Pernyataan ini dianggap sebagai seruan untuk lebih menghargai dan melindungi flora dan fauna, serta untuk mengubah tingkah laku manusia agar lebih berteraskan kelestarian. Pesanan ini mencerminkan keperluan kesedaran akan kelestarian alam dan kepentingan tindakan bersama untuk melindungi kepelbagaiannya biologi dan keseimbangan ekosistem.

## KESIMPULAN

Pantun-pantun yang telah dikenal pasti melalui analisis yang dilakukan memperlihatkan isu pencemaran alam sekitar merupakan satu isu yang penting. Daripada 5653 pantun yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*, hanya 7 buah pantun sahaja yang sesuai dianalisis menggunakan kritikan eko berdasarkan kepada prinsip-prinsipnya. Antara permasalahan alam sekitar yang dibincangkan ialah penebangan hutan yang tidak terkawal serta pencemaran sungai dan laut. Pantun yang dikaji tidak ketinggalan untuk menyentuh dan membidas golongan tertentu yang mengakibatkan berlakunya pencemaran alam sekitar. Penggunaan istilah-istilah sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mengetengahkan isu yang sebenar memancing pembaca untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap makna yang hendak disampaikan dalam pantun. Keadaan ini menyebabkan pembaca dibawa untuk meneroka segenap sudut dan rongga yang ada untuk mencari situasi dan gambaran sebenar. Gaya bahasa pantun yang sangat unik dan menarik dengan penggunaan simbol yang bertepatan dengan persoalan yang terkandung dan ini membantu pentafsiran yang dilakukan. Walaupun gambaran mengenai isu alam sekitar tidak ditunjukkan sepenuhnya, namun perlu diingatkan buku *Kurik Kundi Merah Saga* adalah sebuah 'buku lama' yang mencerminkan keadaan pada ketika itu. Sudah semestinya pada ketika ini, isu permasalahan alam sekitar berada pada tahap yang bukanlah lagi sangat membimbangkan, bahkan boleh dikatakan sebagai darurat dengan hutan semakin hari semakin gondola hanya kerana ingin berada diatas landasan 'pemodenan' dan 'pembangunan dunia pesat'.

## RUJUKAN

- Cho Min Sung, & Mat Zaid bin Hussein. 2020. *Fungsi pantun Melayu tradisional dilihat dari perspektif budaya dan alam pemikiran masyarakat Melayu*. Universitas Andalas.
- Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim & Nur Yuhanis Mohd Nasir. 2017. *Simbol tumbuhan dalam pantun Melayu bingkisan permata*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jeffrey, R. D. A. A., & Subet, M. F. 2018. Unsur alam dalam peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu analisis Semantik Inkuisitif (Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku' Sempama): An Insquisitive Semantics Analysis). *Trends in Undergraduate Research*. 1(1), 10-15.
- Maharam Mamat. 2015. Alam Sekitar dalam Novel-Novel Penulis Sarawak: analisis Kritikan Eko. Ph. D thesis, Universiti Malaya.
- Muhamad Fadzllah Hj Zaini. 2017. *Analisis pemetaan sematik unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu: satu tinjauan awal*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed. 2020. Analisis Semantik Inkuisitif: simbol ‘bunga’ dalam pantun Melayu. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 36-48.
- Mohd Fairus Abd Majid. 2017. *Nilai-nilai Islam dalam pantun Melayu: analisis pantun utara dalam buku Kurik Kundi Merah Saga*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2019. Eko-kritik dalam puisi Melayu. *Akademika*, 89, 29-39.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Kritikan eko puisi pilihan Malaysia dan Indonesia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 121-131.
- Nazirah Ismail & Noor Azam Abdul Rahman. 2018. *Nilai peradaban Melayu dalam pantun Peranakan Baba*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurul Aina binti Ibrahim & Mas Rynna Wati binti Ahmad. 2023. Unsur alam dalam Logan Bunut karya Dahiri Saini: Suatu Kritikan Eko. *Jurnal Melayu*, 22(1).
- Noor Hasnoor Mohamad Nor & Eizah Mat Hussain. 2020. Konsep ruang dalam bahasa dan pemikiran menerusi pantun Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 384-414.
- Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid, Masitah Mad Daud, Nik Zulaiha Zakaria. 2017. Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 12(3): 116 to 132.
- Syahidatul Syahadah Yusof & Muhd Norizam Jamian, 2020. Penaakulan moral dalam pantun pak nazel 101 perkara. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 297-314.
- Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Rashid Md Idris, Abdullah Yusof, 2010. *Nilai estetik dan intelek dalam pantun*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- William Howarth. 1996. Some Principles of ecocriticism. In C. Glotfelty & H. Fromm, (Ed.). *The Ecocriticism Reader: Landmarks in literary ecology*. Athens & London: The University of Georgia Press, pp. 69-91.
- Zainal Abidin Bakar. 1983. *Kumpulan pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Biodata Penulis:**

**Muhammad Khalil Khiruddin** merupakan pelajar tahun akhir Sarjana Kesusasteraan Melayu di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Mas Rynna Wati Ahmad (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian, Bahasa, Kesusasteran dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori, falsafah dan kritikan sastera.